

MAS Sahkan Terputus Hubungan Dengan Pesawat Penerbangan MH17
Bernama
July 18, 2014

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Malaysia Airlines (MAS) mengesahkan syarikat itu telah menerima pemberitahuan daripada ATC Ukraine bahawa ia telah terputus hubungan dengan Penerbangan MH17 pada 1415 (GMT) 30km dari Tamak, kira-kira 50km dari sempadan Rusia-Ukraine.

Dalam kenyataan, syarikat penerbangan negara itu berkata Penerbangan MH17 berlepas dari Amsterdam pada Khamis, 12.15 tengah hari (waktu Amsterdam) dan dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 6.10 pagi (waktu Malaysia) pada hari berikutnya.

Pesawat itu membawa 280 penumpang dan 15 anak kapal, katanya.

Butiran lanjut akan menyusul, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054398>